

Proses subsidi petrol memuaskan

Oleh SAFINA RAMLI
pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 12 OGOS

KEMENTERIAN Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berpuas hati dengan proses penyediaan kertas cadangan mengenai pelaksanaan subsidi petrol bersasar.

Walaupun bagaimanapun Menteri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, terdapat beberapa proses lain yang perlu diselesaikan terlebih dahulu, antaranya mengenal pasti kumpulan sasar sebelum kertas cadangan itu dapat dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

"Bila akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri, sangat bergantung sama ada saya berpuas hati dengan tahap kertas cadangan ini.

"Setakat kerja-kerja awal ini saya sangat berpuas hati walaupun ganis masa lari sedikit, kita sasar siap dalam suku kedua ta-

hun ini," katanya selepas menghadiri majlis Korban Perdana Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Jerejak sempena Hari Raya Aidiladha di Surau Bandar Bayan Baru, di sini hari ini.

Sebelum ini, media melaporkan, kerajaan Pakatan Harapan akan menggunakan mekanisme baharu bagi menggantikan cadangan penggunaan kad subsidi.

Mekanisme baharu tersebut merupakan subsidi berbentuk tunai dan akan dimasukkan secara terus ke akaun individu yang layak menerima bantuan berkenaan.

Menurut Saifuddin, kertas cadangan yang siap sepenuhnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

"Pada waktu itu, kita hanya akan tunggu kelulusan daripada Jemaah Menteri, kalau tidak ada pindaan apa-apa (mekanisme pelaksanaan) akan diumumkan," katanya.

Dalam perkembangan

lain, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak berkata, beliau telah mengarahkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk mengumpul data segera mengenai mangsa-mangsa ribut susulan taufan Lekima pada Jumaat lalu agar penyaliran bantuan dapat dilakukan.

"Ada kawasan di DUN Pantai Jerejak yang terlibat dengan kejadian ribut ini dan MPKK sedang mendapatkan data yang tepat mengenai jumlah mangsa terlibat.

"Kemudian kita akan uruskan menerusi program bantuan sedia ada sama ada di peringkat kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat," katanya.



SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL (kiri) turut bersama melapah lembu dalam majlis Korban Perdana DUN Pantai Jerejak di Surau Bandar Bayan Baru, Pulau Pinang semalam. - BERNAMA